

# SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI & RISIKO



## QMS FOR ACADEMIA WORKSHOP

Bengkel QMS for Academia 2026 telah berlangsung dengan jayanya pada 13 hingga 14 April 2026 bertempat di Harbour View Hotel, Kuching. Bengkel selama dua hari ini menghimpunkan pegawai serta wakil daripada pelbagai pusat tanggungjawab bagi memperkukuh pemahaman dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dalam konteks akademik. Sepanjang bengkel berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai sesi perkongsian ilmu, perbincangan kumpulan, latihan praktikal serta kajian kes berkaitan pelaksanaan QMS di institusi pengajian tinggi. Penganjuran bengkel ini diharapkan dapat memperkukuh kompetensi warga universiti dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang lebih sistematik, efisien dan selaras dengan aspirasi kecemerlangan organisasi. Selain menjadi platform perkongsian pengetahuan, program ini turut mempererat kerjasama dan jaringan profesional antara peserta yang terlibat.



## MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI SQRC

SQRC telah menganjurkan Majlis Ramah Tamah Aidilfitri pada 17 April 2026 dalam suasana penuh meriah dan harmoni bagi meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis ini menjadi platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim, memupuk semangat kekeluargaan serta memperkukuh hubungan kerja dalam kalangan warga SQRC.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO UNIMAS BIL. 2/2026

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS Bil. 2/2026 yang dipengerusikan oleh Datu Ik Pahon anak Joyik telah diadakan pada 28 April 2026 bagi membincangkan perkara berkaitan pengurusan risiko universiti serta langkah penambahbaikan berterusan dalam memperkukuh tadbir urus organisasi. Antara perkara yang dibincangkan termasuk pelaporan status risiko strategik universiti, tindakan mitigasi risiko, pemantauan pelaksanaan pelan tindakan serta isu-isu semasa yang berpotensi memberi impak terhadap operasi dan pencapaian objektif universiti. Penganjuran mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan UNIMAS dalam memastikan pengurusan risiko dilaksanakan secara sistematik, berkesan dan selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik demi menyokong kecemerlangan organisasi.

## SESI PERKONGSIAN ILMU PENGHANTARAN DATA MYMOHES DAN PERBINCANGAN NAIK TARAF SISTEM PENGURUSAN RISIKO

Sesi Perkongsian Ilmu Penghantaran Data MyMOHES dan Perbincangan Naik Taraf Sistem Pengurusan Risiko telah diadakan pada 30 April 2026 bersama Bahagian Data dan Analitik bagi memperkukuh penyelarasan pengurusan data serta penambahbaikan sistem pengurusan risiko universiti. Sesi ini memberi fokus kepada proses penghantaran data MyMOHES yang lebih sistematik, tepat dan selaras dengan keperluan pelaporan semasa. Selain itu, perbincangan turut melibatkan cadangan penambahbaikan dan naik taraf sistem pengurusan risiko bagi meningkatkan kecekapan pemantauan, pelaporan serta pengurusan data risiko secara lebih bersepadu. Penganjuran program ini diharapkan dapat memperkukuh kerjasama strategik antara SQRC dan BDA sekali gus menyokong pengukuhan tadbir urus universiti yang lebih cekap dan berkesan.



## SOROTAN AKTIVITI



## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**Pengarah**, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

# SQRC

Strategy Quality Risk Centre

## PROGRAM SQRC APRIL 2026

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Sesi Perbincangan Pengumpulan Data SETARA 2026	10 April 2026
2.	QMS for Academia Workshop	13 - 14 April 2026
3.	Sesi Penyelarasan Data SETARA 2026	14 April 2026
4.	Sesi Perbincangan Inisiatif Penarafan QS di UNIMAS bersama Pihak QS	16 April 2026
5.	Majlis Ramah Tamah Aidilfitri SQRC	17 April 2026
6.	Sesi Demo Sistem Daftar Risiko bersama Pejabat Undang-Undang	17 April 2026
7.	Sesi Perbincangan dan Semakan Semula Carta Organisasi SQRC	20 April 2026
8.	Sesi Pemilihan Calon Jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred 9 (Calon Temuduga Ambilan MySTEP)	21 April 2026
9.	Discussion on New Risk Registration System	27 April 2026
10.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMAS Bil. 2/2026	28 April 2026
11.	Penghantaran Data Penarafan SETARA 2026	29 April 2026
12.	Sesi Perkongsian Ilmu Penghantaran Data MyMoheS dan Perbincangan Naik Taraf Sistem Pengurusan Risiko	30 April 2026
13.	Sesi Temu Duga Calon Jawatan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred 9 (Calon Temuduga Ambilan MySTEP)	30 April 2026

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

**Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko**  
**Universiti Malaysia Sarawak**  
**Aras 3, Canselor**  
**94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia**  
<http://www.sqrc.unimas.my/>